



PELABUHAN KUANTAN  
MALAYSIA



PELAN  
**ANTIRASUAH**  
LPKtn  
2020 - 2024



## PERNYATAAN KOMITMEN


Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan komitmen organisasi untuk membanteras gejala rasuah dalam perkhidmatan pentadbiran Kerajaan.

Pelan tindakan pengurusan strategik antirasuah ini dibangunkan adalah selaras dengan inisiatif di bawah strategi 2, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam yang menyatakan keperluan pembangunan pelan antirasuah organisasi bagi sektor awam.

Kerangka dasar dan strategi Pelan Antirasuah Lembaga Pelabuan Kuantan (LPKtnACP) ini terhasil daripada sesi perbincangan dan bengkel pembangunan yang dijalankan antara suruhanjaya dan semua pelabuhan melalui dua sesi. Input-input juga terhasil daripada sesi pembentangan di antara Unit Integriti dengan semua pegawai kanan dan Ketua Unit di Lembaga Pelabuan Kuantan (LPKtn).

LPKtnACP ini akan meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani. Selain NACP yang juga merupakan rujukan utama dalam pembangunan pelan ini, beberapa cadangan daripada beberapa inisiatif sedia ada yang telah dipraktikkan keberkesanan pelaksanaannya turut diambil kira.

Saya dengan ikhlas berharap bahawa Pelan ini dapat membantu mencapai visi negara bebas rasuah menjelang tahun 2023. Malaysia memerlukan sokongan dan komitmen semua untuk menghentikan sebarang bentuk rasuah daripada berkembang.



**Y.M. TAN SRI TENGKU AZLAN IBNI SULTAN ABU BAKAR**  
P.S.M., S.S.A.P., S.P.T.J., D.S.A.P., S.I.M.P.

**Pengerusi**  
**Lembaga Pelabuan Kuantan**





وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا  
بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ  
أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Surah Al-Baqarah: 188

**“ Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).” <sup>7</sup>**



## PERUTUSAN PENGURUS BESAR

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak dengan terhasilnya LPKtnACP (2020-2024) yang merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan komitmen jabatan ini untuk membanteras gejala rasuah dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

Pelan tindakan pengurusan strategik antirasuah ini dibangunkan selaras dengan inisiatif di bawah Strategi 2, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan yang menyatakan keperluan pembangunan pelan antirasuah organisasi. Oleh itu, maka terhasillah LPKtnACP.

LPKtnACP ini mengandungi cabaran-cabaran dalam memerangi rasuah, bidang keutamaan, strategi dan inisiatif untuk dilaksanakan.

LPKtnACP ini turut menghuraikan **empat (4) bidang keutamaan** iaitu **Pentadbiran Sektor Awam, Penguatkuasaan Undangundang, Tadbir Urus Korporat dan Perolehan Awam**. Daripada empat bidang keutamaan ini, empat strategi telah dikenal pasti iaitu Meningkatkan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam, Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan dalam Perolehan Awam, Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang dan Memupuk Tadbir Urus yang Baik dalam Entiti Korporat.

Strategi ini seterusnya membawa kepada **10 objektif strategik** yang memayungi **132 inisiatif** yang akan dilaksanakan.

Kajian semula LPKtnACP ini akan dijalankan pada tahun 2024 bagi memastikan ia relevan dengan perubahan semasa.

Dengan ini, sudah tiba masanya untuk menerokai tadbir urus insan secara lebih tegas dalam meningkatkan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Akhir kata, marilah kita bersama-sama menguatkan tekad dan semangat dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berintegriti.





**DATO' KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL RAHMAN**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.



## RASUAH DI MALAYSIA

Perkataan “rasuah” berasal daripada Bahasa Latin ‘*corruptus*’ (rosak) dan ‘*corrumpere*’ (merosak dan berpecah menjadi kepingan kecil). Menjelang abad ke-14, *corruption* atau *corrupcion* merujuk kepada pereputan fizikal badan dan pencemaran jiwa serta keadaan moral dan rohani. Daripada segi hubungan manusia-Tuhan dan manusia-manusia, rasuah atau fasad bermaksud segala keburukan dan ketidakadilan, pemberontakan terhadap perjanjian dengan Tuhan dan menindas orang lain, sehingga gagal mengakui hak tuhan, manusia dan ciptaan lain.

Mengikut *Corruption: A Glossary Of International Criminal Standards* yang diterbitkan oleh Pertubuhan Kerjasama ekonomi dan Pembangunan (OECD), *Council of Europe* dan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak mendefinisikan “rasuah”. Sebaliknya, institusi ini mentafsir skop kesalahan bagi pelbagai tingkah laku rasuah. Oleh itu, Konvensyen OECD menetapkan kesalahan sogokan melibatkan pegawai asing, sementara Konvensyen oleh *Council of Europe* menetapkan kesalahan seperti melaksanakan kesalahan transaksi dengan menggunakan pengaruh seseorang atau hubungan orang berpengaruh untuk mendapatkan kelebihan atau habuan untuk diri atau orang lain, dan kesalahan menyogok pegawai awam dalam atau luar agensi. Selain itu, sebagai tambahan kepada etika ini, Konvensyen PBB di dalam peruntukan wajibnya turut memasukkan penggelapan, penyelewengan atau penyalahgunaan harta awam oleh penjawat awam dan halangan keadilan. Oleh itu, Konvensyen ini telah mewujudkan suatu piawaian antarabangsa berkaitan jenayah rasuah dengan menetapkan kesalahan khusus berkaitan rasuah, dan bukannya mewujudkan definisi umum “rasuah”.<sup>1</sup>



Sumber : Sinar 24 Disember 2019

## RINGKASAN EKSEKUTIF

### Pelan Antirasuah LPKtn 2020-2024

Ini adalah susulan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 22 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governan, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. Justeru LPKtnACP sebagai dokumen utama LPKtn yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah telah dihasilkan.

### Visi

Adalah untuk Melahirkan Warga LPKtn yang Bebas Rasuah dan Salah Laku melalui penetapan matlamat khusus iaitu meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan LPKtn.

### BAB 1

Merangkumi latar belakang LPKtn dan beberapa usaha yang telah diambil pelaksanaan pelbagai inisiatif yang memberi fokus kepada usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah di LPKtn. Dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Pengurusan Tertinggi, LPKtnACP telah diwujudkan untuk memberikan fokus dan hala tuju yang lebih jelas kepada LPKtn untuk memerangi rasuah.

### BAB 2

Bengkel pembangunan OACP telah dilaksanakan yang mana melibatkan keseluruhan Bahagian dan Suruhanjaya serta semua Pelabuhan Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan dengan dibantu oleh Institut Integriti Malaysai (IIM) dalam memberi panduan dan hala tuju pembangunan pelan ini. Sebanyak empat (4) strategi telah digariskan dalam LPKtnACP ini.

### BAB 3

Menghuraikan empat (4) bidang keutamaan iaitu Pentadbiran Sektor Awam, Tadbir Urus Terbaik dan Berintegriti Tinggi, Perolehan Awam dan Penguatkuasaan Undang-undang.

### BAB 4

Menjurus kepada mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan LPKtnACP. Mekanisme ini penting bagi memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang dibuat oleh semua Bahagian dan Agensi peneraju agar selari dengan kerangka pelaksanaan OACP Kementerian.

### BAB 5

Menggambarkan komitmen dan keyakinan LPKtn secara keseluruhan dalam melaksanakan semua 132 inisiatif yang telah digariskan dalam LPKtnACP 2020-2024 dengan jayanya dan pelan yang telah digubal ini akan menjadi rujukan dan panduan strategik dalam aspek pengukuhan integriti, tadbir urus dan antirasuah di organisasi.







## SINGKATAN

|                                                                   |                                                              |
|-------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|
| <b>ABMS</b> • Anti-Bribery Management System                      | <b>ISMS</b> • Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat         |
| <b>AKPK</b> • Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit               | <b>ISMS</b> • Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat         |
| <b>ALP</b> • Ahli Lembaga Pengarah                                | <b>JKKMAR</b> • Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Rasuah    |
| <b>BNM</b> • Bank Negara Malaysia                                 | <b>LPKtn</b> • Lembaga Pelabuhan Kuantan                     |
| <b>BPA</b> • Biro Pengaduan Awam                                  | <b>LPKtnACP</b> • Pelan Antirasuah Lembaga Pelabuhan Kuantan |
| <b>CGSO</b> • Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Negara            | <b>LMAN</b> • Laporan Audit Negara                           |
| <b>CIP</b> • Ikrar Integriti Korporat                             | <b>NACP</b> • Pelan Antirasuah Nasional                      |
| <b>CPI</b> • Indeks Persepsi Rasuah                               | <b>OACP</b> • Pelan Antirasuah Organisasi                    |
| <b>e-DG</b> • Sistem Pengisytiharan Kargo Bahaya                  | <b>OEM</b> • Original Equipment Maintenance                  |
| <b>e-PENS</b> • Sistem Pemakluman Pra Ketibaan Kapal              | <b>PI</b> • Pelan Integriti                                  |
| <b>e-ZB</b> • Sistem Pengisytiharan Zon Bebas                     | <b>PIN</b> • Pelan Integriti Nasional                        |
| <b>GIACC</b> • Pusat Governans, Integriti Dan Antirasuah Nasional | <b>PIO</b> • Pelan Integriti Organisasi                      |
| <b>GTP</b> • Pelan Transformasi Rasuah                            | <b>PUU</b> • Pegawai Undang-Undang                           |
| <b>IBR</b> • Ikrar Bebas Rasuah                                   | <b>SOP</b> • Prosedur Operasi Standard                       |
| <b>ICT</b> • Teknologi Maklumat Dan Komunikasi                    | <b>SPRM</b> • Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia         |
| <b>IIM</b> • Institut Integriti Malaysia                          | <b>SPAR</b> • Sistem Pengurusan Antirasuah                   |
| <b>IP</b> • Integrity Pact                                        | <b>TOR</b> • Terma Rujukan                                   |

**BAB 1 PENGENALAN**

- 10** Sejarah Pelabuhan Kuantan
- 12** Bidang Tugas
- 13** Dasar Integriti dan Tadbir Urus
- 18** Isu dan Cabaran Menangani Rasuah
- 21** Penilaian Risiko
- 22** Bidang-bidang Berisiko

**BAB 2 SENARIO MASA HADAPAN**

- 26** Menghubungkan Hari Ini Dengan Masa Hadapan
- 30** Matrik Senario: Senario Antirasuah 2030
- 34** Gambaran Umum Dan Matlamat Kebimbangan Bersama
- 35** Peluang Yang Ada
- 36** Risiko Yang Terungkai
- 37** Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian

**BAB 3 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH**

- 40** Keperluan Kepada Kerangka LPKtn Melangkah Ke hadapan
- 41** Garis Panduan Asas
- 42** Kerangka LPKtnACP 2020-2024
- 48** Keutamaan Strategi : Penekanan 22 Inisiatif
- 51** Bidang Keutamaan LPKtnACP, 2020-2024

**BAB 4 TADBIR URUS**

- 68** Prinsip Pengurusan Antirasuah
- 70** Mekanisme Pelaksanaan
- 72** Kerangka Pelaksanaan LPKtnACP
- 73** Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian

**BAB 5 KESIMPULAN**

- 76** Kesimpulan
- 77** Penghargaan
- 78** Pasukan Editor
- 79** Bibliografi

# BAB 1

## PENGENALAN



## SEJARAH LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN



**LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN** telah ditubuh pada 1 September 1974 di bawah Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan, 1963 dan merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab kepada Kementerian Pengangkutan.

Pembinaan Pelabuhan Kuantan telah dimulakan pada tahun 1975 dan siap keseluruhannya pada akhir 1979. Operasi pelabuhan telah bermula secara sebahagian pada tahun 1980 dan operasi sepenuhnya pada tahun 1984.

Operasi Pelabuhan Kuantan telah diswastakan kepada Kuantan Port Consortium (KPC) mulai 1 Januari 1998. Selaras dengan penswastan ini, Lembaga Pelabuhan Kuantan bertindak sebagai badan kawalselia dan fasilitator.

PENUBUHAN

1 SEPT 1974

PEMBINAAN  
BERMULA

1976

OPERASI SEBAHAGIAN

1980

OPERASI PENUH

1984

PENSWASTAAN  
OPERASI

1998

# MISI

Bertindak sebagai Pengawalselia dan Fasilitator untuk menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai pusat perdagangan maritim yang berterusan mempunyai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang optimum dan berkualiti bagi kepentingan pengguna-pengguna pelabuhan dan perkembangan Pelabuhan yang berjaya dan teratur.



## BIDANG TUGAS DAN FUNGSI LPKtn

Lembaga Pelabuhan Kuantan menjalankan tugas menurut kuasa yang diperturunkan melalui

- Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan 1963
- Akta Badan Berkanun 1980
- Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990
- Akta Zon Bebas 1993

### A. PEMBANGUNAN

- a. Perancangan pembangunan
- b. Pelaksanaan pembangunan
- c. Pemantauan pembangunan
- d. Mengkaji/menyemak semula program pembangunan


### B. FASILITASI PERDAGANGAN

- a. Pemasaran
- b. Pengurusan hartanah
- c. Pemudahcara aktiviti pelabuhan

### C. KAWALSELIA


- a. Kawalselia operasi pelabuhan
- b. Kawalselia aktiviti pembangunan
- c. Kawalselia keselamatan dan navigasi
- d. Kawalselia keselamatan kawasan pelabuhan
- e. Kawalselia aktiviti perdagangan
- f. Kawalselia aktiviti hartanah
- g. Pihak Berkuasa Zon Bebas Pelabuhan Kuantan

## CARTA FUNGSI LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (LPKtn)





## DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS



Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang pertama yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Jun 2018 telah membuat keputusan untuk merangka dan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Pelan ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam tempoh lima tahun akan datang.

Bagi mencapai hasrat murni tersebut, segala bentuk usaha pencegahan rasuah sedia ada sama ada melalui Pelan Integriti Nasional (PIN), Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Pelan Integriti Nasional (PIO) dan sebagainya akan diambil kira, ditambah baik, dikaji dan diolah semula berdasarkan kerangka NACP yang lebih komprehensif dan lebih praktikal. Pelan ini juga perlu dilaksanakan melalui tadbir urus yang lebih baik manakala sistem arahan pelaksanaan dan pelaporannya juga perlu lebih jelas.

Situasi ini secara langsung akan mendorong setiap peringkat warga Lembaga Pelabuhan Kuantan untuk turut sama terlibat bagi menjayakan LPKtnACP ini.




## PELAN INTEGRITI ORGANISASI LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (PIO LPKTN)

### PENDEKATAN

Strategi dan program yang digariskan PIO LPKtn (2017-2018) menggunakan empat (4) pendekatan seperti digambarkan.



Selaras dengan strategi yang digariskan dalam Pelan, terdapat empat (4) yang digunapakai dalam PIO 2017-2018 seperti di bawah:



## INISIATIF-INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS YANG TELAH DILAKSANAKAN LPKtn



### CERAMAH INTEGRITI

Ceramah Integriti kepada semua kakitangan telah diadakan pada 14 Mac 2017 yang disampaikan oleh Puan Halimah Binti Md Shariff, Penolong Pesuruhjaya, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM.





## PELANCARAN BUKU PELAN INTEGRITI LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

Pelancaran Buku Pelan Integriti Lembaga Pelabuhan Kuantan telah disempurnakan oleh YH Dato' Khairul Anuar bin Abd Rahman, Pengurus Besar bersempena dengan Majlis Perjumpaan Pengurus Besar dengan semua kakitangan pada 21 April 2017.



## KEMPEN “POLISI TIADA HADIAH”



LPKtn pada 19 Julai 2017 telah melaksanakan Kempen “POLISI TIADA HADIAH”

## BENGKEL PELAN INTEGRITI ORGANISASI



Semakan Pelan Integriti Organisasi telah diadakan pada 13-15 Februari 2018 untuk memastikan PIO sentiasa relevan dengan peredaran semasa

## ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Dalam usaha untuk membanteras dan menghapuskan rasuah dan salah guna kuasa, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang perlu didepani dan dihadapi bagi memastikan misi dan matlamat yang telah ditetapkan dapat dicapai. Kerajaan Malaysia telah menunjukkan dengan jelas bahawa usaha untuk membanteras jenayah rasuah dan salah guna kuasa merupakan satu agenda nasional yang penting dan memerlukan perhatian yang serius. Hal ini adalah kerana impak jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku telah memberi kesan negatif kepada negara yang mana antaranya adalah menyebabkan imej negara di mata dunia tercalar dan akhirnya menyebabkan kerencatan pertumbuhan ekonomi negara akibat kegagalan dan ketidakpercayaan pelabur untuk melabur di negara kita. Bagi setiap negara, penanda aras yang diterima pakai bagi mengukur persepsi masyarakat dunia terhadap negara kita berkaitan rasuah adalah *Corruption Perception Index (CPI)*. CPI merupakan indeks tahunan yang dikeluarkan oleh *Transparency International*, sebuah badan dunia yang akan menyenaraikan peratusan tinggi rendah bagi sesebuah negara di mana rasuah ini dianggap wujud di kalangan pegawai-pegawai dan ahli politik awam.

Berdasarkan CPI untuk tahun 2018, Malaysia telah berada di kedudukan ke-61 daripada 180 negara yang telah dinilai dan skor yang telah dicapai oleh Malaysia adalah 47/100. Skor yang dicapai pada tahun 2018 merupakan skor yang sama dicapai pada tahun 2017 yang mana kedudukan Malaysia pada ketika itu adalah pada kedudukan ke-62. Jika perbandingan dibuat dengan negara jiran terdekat Malaysia yang mempunyai kedudukan yang lebih baik berbanding Malaysia adalah Singapura yang mana berada di kedudukan ke-3 daripada 180 buah negara dengan skor sebanyak 85/100. Selain itu, Brunei Darul Salam juga berada di kedudukan yang jauh lebih baik berbanding negara kita iaitu di kedudukan ke-31 dengan skor 63/100.

Oleh itu, pencapaian skor Malaysia dan kedudukan tersebut menunjukkan bahawa sememangnya kita memerlukan satu tindakan yang ampuh dan jitu untuk memastikan skor CPI dan kedudukan negara dapat dipertingkatkan pada tahun berikutnya. Salah satu sektor yang akan memberi kesan kepada kedudukan dan skor negara dalam CPI adalah sektor awam yang dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Tadbir urus yang lemah merupakan antara punca utama yang menyebabkan sektor ini mencatatkan peratusan yang lebih tinggi berbanding sektor swasta iaitu sebanyak 63.30%. Kesan penglibatan pegawai sektor awam dalam jenayah rasuah telah menyebabkan kerugian terhadap dana negara dan merosakkan imej dan integriti sektor awam.<sup>8</sup>





## ANTARA ISU UTAMA YANG DIHADAPI OLEH LPKtn DALAM MEMERANGI RASUAH

Cabaran-cabaran dalaman telah dikenal pasti bagi memerangi rasuah di Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn). Untuk mengatasi cabaran tersebut, LPKtn telah mengambil tindakan dengan menetapkan strategi dan inisiatif ke arah memperkukuhkan elemen tadbir urus insan, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Berikut adalah cabaran-cabaran memerangi rasuah di LPKtn:

### Keperluan Meningkatkan Kualiti Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan, kekangan sistem dan prosedur telah dikenal pasti sebagai penghalang usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Usaha-usaha perlu diambil melalui penambahbaikan prosedur kerja dan mengenal pasti sistem lapuk yang boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan serta menutup ruang dan peluang berlakunya penyelewengan.

Penekanan juga perlu diberikan terhadap mempertingkatkan kempen-kempen dan program-program keutuhan nilai-nilai murni dan integriti bagi tujuan menanamkan budaya kerja positif, memperkukuhkan nilai-nilai murni dan pembinaan modal insan yang berintegriti. Usaha meningkatkan keutuhan nilai-nilai murni dan integriti perlulah dilaksanakan melalui peningkatan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni, pemantapan prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dan pelaksanaan tadbir urus terbaik.

### Keperluan Mempertingkatkan Pembangunan Sumber Manusia

Cabaran kedua ialah keperluan mempertingkatkan pembangunan sumber manusia. Dalam aspek pembangunan sumber manusia perhatian perlu diberikan untuk melahirkan pekerja yang serba boleh '*multi skilling*', menarik dan mengekalkan pegawai yang berprestasi tinggi, meningkatkan kompetensi, penyediaan kesinambungan kepimpinan yang boleh mengambil alih tugas dan tanggungjawab bagi menjamin kecemerlangan yang berterusan. Pekerja yang serba boleh '*multi skilling*' juga dapat membantu LPKtn melancarkan proses pengambilalihan tugas apabila pusingan kerja berlaku.

### Keperluan Untuk Meningkatkan Penghayatan Nilai-nilai Murni

Cabaran ketiga ialah keperluan untuk meningkatkan penghayatan nilai-nilai murni setiap warga LPKtn. Sikap yang berasaskan kepada rasa selesa dan tidak mahu berubah hendaklah dikikis. Setiap warga LPKtn perlulah mempunyai moral dan semangat kekitaan yang tinggi, berdisiplin, bermotivasi dan sentiasa menilai diri dengan melakukan kerja yang terbaik. Bagi menghadapi cabaran ini, fokus perlulah diberikan untuk meningkatkan pembangunan diri, dorongan dan sokongan penyelia, program *mentoring*, mengutamakan kebajikan dan penyediaan landasan kerjaya yang jelas.

### Pemantauan Dan Penguatkuasaan Yang Kurang Berkesan

Pemantauan dan penguatkuasaan adalah penting untuk memastikan semua proses dan prosedur dipatuhi seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun, pelaksanaan aktiviti ini berlaku kekurangan seperti untuk memeriksa, mengaudit dan mengkaji semula operasi. Keterbatasan dalam undang-undang dan kekurangan sumber tenaga kerja, kemahiran, teknologi serta kaedah menjadi faktor kurang keberkesanan usaha pemantauan dan penguatkuasaan.

### Penggunaan Teknologi Yang Terhad Dalam Memerangi Rasuah

Keterbatasan penggunaan teknologi dalam menangani rasuah perlu diberi perhatian oleh LPKtn. Ini adalah bagi memastikan isu keperluan strategik teknologi, kebertanggungjawaban dan ketelusan: khususnya dalam bidang penguatkuasaan, perolehan, perlesenan dan perkhidmatan. Penggunaan teknologi moden penting untuk membendung rasuah di peringkat awal memandangkan teknologi menjadi sebahagian daripada ekosistem, keupayaan dan kemahiran kumpulan rakyat. Namun, dengan peningkatan medium perhubungan, risiko baru akan muncul sama ada dari dalam atau luar seperti ancaman siber.


### Kurang Penghayatan Oleh Pihak Luar Terhadap Integriti Dan Antirasuah

Penghayatan nilai-nilai murni termasuk integriti dan antirasuah yang lemah oleh pihak luar juga merupakan satu isu dan cabaran yang perlu ditangani oleh organisasi. Usaha penyampaian perkhidmatan yang telus akan terbantut akibat persepsi dan tanggapan negatif pihak luar termasuk orang awam yang akan menghakis keyakinan mereka terhadap penyampaian perkhidmatan yang diberikan organisasi dan seterusnya akan memberi kesan negatif terhadap organisasi.

### Ketidakcekapan Sistem Dan Kaedah Penyampaian Perkhidmatan

Kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan agensi dan syarikat adalah perkara penting dalam memastikan pertumbuhan organisasi dan pembangunan dapat dilaksanakan secara berkesan. Namun faktor kelemahan integriti dan kerehuan birokrasi telah menyebabkan kurang keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang akhirnya menyebabkan imej negatif terhadap perkhidmatan organisasi.

Usaha reformasi adalah penting bagi menambahbaik dan meningkatkan tadbir urus LPKtn sekaligus penyampaian perkhidmatan yang efisien serta efektif dapat diberikan kepada pengguna pelabuan dan semua pemegang taruh.



## PENILAIAN RISIKO


Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko agensi bagi menetapkan model Unit Integriti yang bersesuaian. Penarafan risiko agensi awam dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Tinggi, Sederhana dan Rendah berpandukan situasi gejala rasuah di agensi, persepsi rasuah terhadap agensi, dana yang diperuntukkan, laporan aduan rasuah dan salah guna kuasa, jumlah bajet tahunan agensi dan bidang perkhidmatan teras.


Memandangkan LPKtn belum melaksanakan *Corruption Risk Management (CRM)* bidang berisiko rasuah hanya dikenalpasti melalui Mesyuarat Pembangunan *Organizational Anticorruption Plan (OACP)* peringkat Suruhanjaya/Lembaga Pelabuhan yang telah diadakan pada 2 hingga 4 Oktober 2019. Kaedah bengkel dilaksanakan di mana setiap peserta dibahagikan kepada kumpulan mengikut bidang kepakaran masing-masing dan setiap kumpulan perlu mengisi maklumat dalam borang pendaftaran risiko mengenai risiko yang dikenal pasti dalam bidang dan tugas masing-masing. Seterusnya setiap agensi akan membincangkan senarai risiko yang telah dikenalpasti untuk disesuaikan dengan agensi masing-masing. Maklumat dan data lain yang digunakan oleh organisasi dalam mengenal pasti risiko rasuah adalah Laporan SPRM, Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Tatatertib Jabatan, Laporan Aduan Jabatan, Laporan Audit Dalam Jabatan dan Laporan Tahunan Jabatan.

LPKtn juga dalam proses melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti Antirasuah MS ISO 37001:2016 yang mana terdapat di dalamnya kaedah mengenalpasti risiko. Seterusnya setiap risiko akan disemak dan dianalisis bagi menentukan tahap setiap risiko tersebut dan pelan tindakan untuk mengatasinya.



## BIDANG-BIDANG BERISIKO







Kerangka dasar dan strategi OACP ini terhasil daripada sesi “Mesyuarat Pembangunan *Organizational Anti Corruption Plan (OACP)* Peringkat Suruhanjaya & Lembaga Pelabuhan” turut dihadiri oleh pegawai-pegawai Institut Integriti Malaysia (IIM). Bengkel ini telah diadakan pada 2hb-4hb Oktober 2019 di Hotel HIG, Langkawi, Kedah.



Sesi Pemurnian  
Pembangunan  
*Organizational Anti  
Corruption Plan  
(OACP)* Peringkat  
Suruhanjaya /  
Lembaga Pelabuhan  
telah diadakan pada  
**10-12 November 2019**  
di Hotel Hatén, Melaka  
untuk menyesuaikan  
risiko dan inisiatif  
mengikut agensi  
masing-masing.





# BAB 2

## SENARIO MASA HADAPAN





# MENGHUBUNGKAN HARI INI DENGAN MASA HADAPAN

LPKtn sedar akan kesan apabila berlakunya intervensi dalam penggubalan dasar Kerajaan. Perubahan semasa dari konteks sosial dan impaknya dalam menilai semula pendekatan dasar perlu diambil kira demi memastikan inisiatif hari ini masih relevan serta kompetitif pada masa hadapan.

Berikut merupakan beberapa trend global semasa yang dikenalpasti bakal memberi kesan besar kepada urus tadbir dan usaha membanteras rasuah:



|                                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  <p><i>Digitalisation</i></p>                 | <p>Pendigitalan secara meluas dalam pemodenan penyampaian perkhidmatan awam telah mengurangkan interaksi bersemuka antara orang awam dan penjawat awam. Penggunaan kad pengenalan elektronik beserta ciri keselamatan biometrik, dan pengagihan khidmat sosial adalah antara contoh bagaimana teknologi menjadikan sistem mempunyai kebolehcapaian, telus dan dipertanggungjawabkan. Pendigitalan ini membolehkan transaksi yang lebih selamat, koordinasi yang lebih baik, hebahan tentang inisiatif antirasuah menjadi lebih berkesan, serta perkongsian maklumat lebih meluas.</p>                                                                                                                                                       |
|  <p><i>Decentralisation</i></p>               | <p>Kemajuan teknologi turut dapat merapatkan lagi hubungan usahasama antara Kerajaan dan orang awam. Kewujudan proses kebersamaan (<i>co-creation processes</i>) membolehkan Kerajaan selaku penggubal dasar bersama-sama dengan orang awam membentuk prototaip seterusnya memastikan sesuatu dasar dan inisiatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Selain itu, penyahpusatan mengurangkan kuasa hegemoni lantaran kuasa teragih kepada rangkaian dan gabungan kecil dalam dunia multipolar.</p>                                                                                                                                                                                                                                    |
|  <p><i>Autonomous and Hyper-connected</i></p> | <p>Automasi sesuatu proses dapat menjimatkan kos. Contohnya, penggunaan kecerdasan buatan (<i>artificial intelligence - AI</i>) dalam sesebuah aplikasi atas talian dapat meghubungkan terus antara pengeluar dengan pengguna. Kesannya adalah kurangnya keperluan kepada penglibatan manusia dalam proses membuat dasar. Justeru, dalam konteks tadbir urus masa hadapan, kesan daripada salinhubungan-hiper ini bakal menyebabkan pemencilan antara jabatan atau kementerian tidak lagi wujud. Tuntasnya, walaupun negara (<i>state</i>) kekal sebagai entiti dominan baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, pendekatan dan penggubalan sesebuah dasar akan berubah kesan daripada jaringan hubungan yang semakin meluas.</p> |
|  <p><i>Blurring of Boundaries</i></p>         | <p>Dalam menangani desakan dan usaha mengurangkan perbelanjaan awam, kerjasama perkongsian sektor awam-swasta (<i>public-private partnerships - PPPs</i>) yang berterusan lama kelamaan akan memberi kesan kepada sektor awam. Kerjasama perkongsian ini awalnya dilihat sebagai cara untuk penjimatan kos pembangunan infrastruktur. Namun, dengan kewujudan dan penglibatan sektor ketiga (keusahawanan) dalam kerjasama ini, Kerajaan perlu lebih terbuka dan tangkas merencana tadbir urus jenteranya ke arah pentadbiran yang lebih telus dan bertanggungjawab.</p>                                                                                                                                                                    |
|  <p><i>Collaborative</i></p>                | <p>Platform media sosial haruslah dimanfaatkan penggunaannya untuk menggalakkan interaksi antara Kerajaan dan orang awam dan menggalakkan lebih banyak usahasama. Pengguna media sosial, sama ada pihak Kerajaan mahupun orang awam dapat berkomunikasi dan berkolaborasi secara efektif dalam pelbagai inisiatif. Kesannya, suara orang awam dapat didengari dan diambilkira dalam perancangan pembangunan nasional.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|  <p><i>Customisation</i></p>                | <p>Penyesuaian mengikut keperluan dapat direalisasikan dengan penggunaan Analitis Data Raya (<i>Big Data Analytics</i>). Antara kesannya ialah kaedah transaksi dan perolehan yang lebih tepat, keperluan sosial dapat segera dipenuhi, dan penerimaan maklumbalas yang lebih pantas hasil daripada pemprofilan lengkap pemegang taruh dalam sektor tertentu. Seterusnya, strategi dan intervensi yang lebih spesifik dan berkesan dapat dirangka untuk membanteras rasuah.</p>                                                                                                                                                                                                                                                             |

# TEKNOLOGI DALAM INISIATIF ANTIRASUAH

Kecanggihan teknologi membolehkan pelbagai masalah sosial ditangani, termasuklah rasuah. pada hari ini, pelbagai usaha dan kajian dijalankan oleh banyak pihak, kerajaan mahupun orang ramai, untuk mencari mekanisme terbaik membanteras rasuah dengan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini. Hal ini termasuklah dalam bidang pengesanan, pencegahan dan analisis. Antara kemajuan teknologi yang dapat membantu usaha pembanteras rasuah adalah seperti berikut:

|                                     |                                                                                                                                                                                                   |
|-------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| CEGAH RINTANG RASUAH                | Pengaduan melalui sumber khalayak, proses dan mekanisme yang telus serta perkongsian maklumat mampu merencatkan amalan rasuah                                                                     |
| PROSES AUTOMASI                     | Proses automasi perolehan dan pembayaran dapat melancarkan transaksi dan memastikan ketelusan sekaligus mengurangkan risiko rasuah                                                                |
| MERAIH KEPERCAYAAN KEPADA INSTITUSI | Organisasi yang menerapkan penggunaan teknologi terkini dan memastikan jejak audit yang selamat akan lebih dipercayai dan diyakini oleh pelanggan/ pengguna                                       |
| PROSES AUTOMASI                     | Teknologi bukan sahaja memudahkan capaian maklumat, malah menggalakkan ketelusan dan keterbukaan yang menyumbang kepada lapangan persaingan yang adil dan saksama kepada Kerajaan mahupun pasaran |
| PENDIGITALAN PERKHIDMATAN AWAM      | Pendigitalan perkhidmatan awam juga dapat mengurangkan karehna birokrasi dan risiko rasuah serta menjimatkan kos                                                                                  |

Meskipun begitu, kemajuan teknologi tidak terlepas daripada risiko penyalahgunaan. Ia boleh mengundang kepada rasuah dengan cara baharu sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 1. Contohnya, akses kepada maklumat akan membuka ruang kepada penggodaman data sulit dan peribadi dengan cara yang lebih sofistikated. Akibat daripada kecanggihan teknologi ini, perlakuan rasuah menjadi semakin kompleks dan rumit. Justeru, adalah penting untuk mengambilkira pelbagai langkah untuk menangani pelbagai bentuk perlakuan rasuah yang mungkin berlaku sama ada atas talian mahupun luar talian dalam penyediaan strategi dan inisiatif antirasuah.






## Data Raya (Big Data)

Data raya boleh diformulasi secara khusus untuk mengesan potensi berlakunya sogokan dan amalan rasuah. Penggunaan analitika data raya mampu mengenalpasti jika berlakunya kegiatan rasuah dalam sesebuah organisasi. Fungsi teknologi ini dapat dioptimumkan lagi dalam membanteras penipuan dan mencegah rasuah dengan penggunaan pemprosesan statistik (*statistical processing*) dan analisis ramalan (*predictive analytics*).


Gabungan kaedah perlombongan data serta visualisasi data dijangka dapat digunakan untuk kegiatan pemantauan jika ada berlakunya ketidakjujuran atau rasuah. Keupayaan teknologi data raya serta platform analitis dapat dikembangkan lagi kepada keupayaan analitis ramalan yang bertujuan menggagalkan cubaan sebelum rasuah itu berlaku lagi. Analitis ramalan ini merujuk kepada keadaan di mana data yang berstruktur diteliti dan dianalisis satu persatu sebelum pola lazim dapat diplotkan. Sebarang aktiviti yang mengganggu pola lazim inilah yang akan menjadi petunjuk seterusnya amaran kepada pihak berkuasa tentang kegiatan mencurigakan yang akan/sedang berlaku.



## Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI)

Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence-AI*) membuka peluang kepada pemantauan dan penilaian ke atas aktiviti penipuan dan rasuah yang rumit seperti sistem perbankan dan perindustrian. AI berupaya menganalisis sifat dan perilaku transaksi secara berterusan dan meneliti sebarang aktiviti yang mencurigakan berpandukan kepada rujukan latar belakang data. Perbezaan utama antara AI dan analitis ramalan adalah AI merupakan platform yang lebih berdaya tahan dengan ciri tambahan yang baharu. Analisis tingkah laku dan pengecaman wajah merupakan dua lapangan baharu yang menjadikan AI sebagai teknologi asas dalam usaha pencegahan rasuah.

Pengecaman wajah sesuai digunakan secara meluas untuk memperketat keselamatan transaksi di mana hanya individu tertentu sahaja diberi autoriti untuk mengakses sesuatu maklumat. Seterusnya, pada tahap yang lebih tinggi, analisis tingkahlaku dijangka mampu mentafsir kewujudan aktiviti mencurigakan yang meramalkan keberangkalian berlakunya perbuatan rasuah. Penggunaan teknologi ini pasti mampu mencegah amalan rasuah di peringkat awal lagi.



## Rantaian Blok & Teknologi Lejar Teragih (Blockchain & Distributed Ledger Technologies (DLT))

Rantaian Blok berpotensi digunakan sebagai alat untuk membanteras rasuah dan penipuan apabila ianya diterimapakai secara global. Teknologi ini menitikberatkan kesepakatan pelbagai mekanisma yang terangkai bersama, di mana setiap pihak dalam rantaian tersebut secara konsensus mengesahkan sesuatu transaksi. Ini bermakna rekod lejar setiap aktiviti dalam keseluruhan rantaian transaksi tersebut tidak boleh diubah atau ditiru.

Rantaian Blok juga sesuai sebagai mekanisme perakaunan yang akan merekod jejak fizikal dan digital sesuatu transaksi seperti aktiviti sepanjang rantaian bekalan (*supply chain*), pemindahan data (*data transfer*), aktiviti kewangan dan lain-lain lagi. Penggunaan Rantaian Blok dalam Kerajaan kini semakin mendapat perhatian, terutamanya di Asia. Antara potensi aplikasi teknologi ini adalah dalam pilihan raya, pendigitalan sistem pengenalan diri serta sistem percukaian.

## MATRIK SENARIO : SENARIO ANTIRASUAH TAHUN 2030




### Penggunaan Perancangan Senario Penting Sebagai

- Mekanisme mengenalpasti peluang-peluang dan ancaman yang melangkaui batasan model-model dan data-data lampau
- Instrumen pengurusan risiko yang penting
- Indikator amaran terhadap keputusan-keputusan yang dibuat dalam pelbagai risiko-sebagai alat penilaian untuk menggariskan strategi-strategi intervensi

### Senario Berikut Mewakili Masa Hadapan Yang Berkemungkinan Berlaku Pasca Pelancaran LPKtnACP

- Matrik senario berikut mewakili input kolektif yang diperolehi daripada peserta bengkel LPKtnACP



## PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

## PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

**S1**SENARIO  
KESINAMBUNGAN  
(CONTINUATION)

Tadbir urus yang efektif dapat direalisasikan dengan adanya inisiatif-inisiatif antirasuah dan mekanisme tadbir urus yang diwujudkan. Namun, potensi dan ruang untuk berlakunya rasuah masih belum dapat ditutup sepenuhnya disebabkan oleh wujudnya konflik kepentingan (*conflict of interest*) dan campur tangan pihak berkepentingan. Isu rasuah masih dianggap sebagai isu teknikal berbanding isu insan.

Memperkasakan SOP sedia ada bagi mengekang risiko dan peluang berlakunya rasuah.

**S2**SENARIO  
KEKANGAN  
(LIMITS AND  
DISCIPLINE)

Tadbir urus organisasi bertambah baik namun komitmen yang banyak terhadap jawatankuasa-jawatankuasa yang dianggotai telah menyebabkan berlakunya kekangan masa untuk menguruskan tugas hakiki. Hal ini membuka ruang berlakunya rasuah di mana pegawai mengambil jalan pintas dalam keputusan yang diambil menyebabkan rasuah berterusan dalam jangka masa panjang.

Muncul teknologi/modus operandi yang baru menyebabkan LPKtnACP kurang berkesan dan tidak selari dengan perkembangan undang-undang, dasar dan polisi baru. Kesalahan rasuah tidak dilaporkan kerana kekangan sumber yang sesuai

## MATRIK SENARIO : SENARIO ANTIRASUAH 2030

**S3**SENARIO  
PERKEMBANGAN  
(GROWTH)

Sistem tadbir urus yang efektif diterima oleh semua warga LPKtn serta inisiatif dapat difahami dan dipraktikkan. Penggunaan teknologi menjadi nilai tambah dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan serta pengamalan ketelusan dalam membuat keputusan.

Perkembangan undang-undang selari dengan dasar dan polisi baru. LPKtnACP mendapat sokongan sepenuhnya daripada peringkat pengurusan tertinggi hingga warga kerja LPKtn (*tone from the top*)

**S4**SENARIO  
MERUDUM  
(DECLINE AND  
COLLAPSE)

Isu rasuah menjadi perkara remeh dan tidak sensitif. Ketiadaan contoh yang baik sebagai *role model* mengakibatkan berlakunya ketidakpatuhan, ketiadaan kawalan dalaman serta kegagalan prosedur pentadbiran.

Amalan rasuah yang berleluasa tanpa penguatkuasaan dan tindakan undang-undang mengakibatkan imej dan reputasi LPKtn terjejas teruk.



## TADBIR URUS KORPORAT

Sistem tadbir urus masih menumpukan kepada aspek keuntungan dan pulangan pelaburan dan bukannya kepada pengurusan sumber manusia yang berintegriti. Undang-undang dan peraturan sedia ada tidak dikemaskini mengikut keperluan semasa. Pemakaian SOP juga tidak dilaksanakan secara menyeluruh.

Pencapaian misi sukar dicapai disebabkan kurang komitmen dan kesungguhan sebahagian warga agensi dan pemegang taruh. Kewujudan sistem tadbir urus yang kukuh telah membentuk mekanisme semak dan imbang dalam entiti awam dan swasta. Walau bagaimanapun hanya segelintir warga LPKtn dan pemegang taruh yang berjaya disebabkan kebanyakan aktor yang memainkan peranan masih lagi terlibat.

## PEROLEHAN AWAM

Proses perolehan yang menggunakan sepenuhnya penglibatan tenaga manusia adalah boleh dipertikaikan dalam bidang tertentu, masih terdapat tender boleh dirundingkan walaupun amalan tender terbuka dikuatkuasa. Peranan orang tengah masih wujud dalam proses dan sistem perolehan.

Pelantikan pegawai perolehan yang tidak berkompentensi serta kewujudan *conflict of interest*.



Persekitaran penyampaian sistem perkhidmatan yang menjunjung kepada pematuhan undang undang dan peraturan yang dikuatkuasakan. Hal ini, mewujudkan persekitaran kerja yang adil, saksama dan telus seterusnya

Kerangka tadbir urus yang kukuh dan padu bagi menjamin proses semak dan imbang.

Rasuah berlaku pada setiap peringkat dalam ekosistem dan telah menjadi budaya di kalangan warga kerja LPKtn hingga mengakibatkan imej dan reputasi jabatan runtuh.

Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai yang bertanggungjawab menjadi semakin berleluasa dan tidak terkawal. Saluran pengaduan menjadi tidak lagi berkesan dan capaian kepada perundingan awam juga tidak wujud. Platform teknologi dimanipulasi oleh pihak dalaman.

## GAMBARAN UMUM, DAN MATLAMAT KEBIMBANGAN BERSAMA

### MATLAMAT BERSAMA

Matlamat bersama mewakili nilai dan prinsip yang memberi cerminan ke atas idea yang diteroka secara bersama dan diutamakan semasa membangunkan senario tersebut. Senario ini merangkumi matlamat dan harapan masa hadapan yang ingin dicapai. Bagi merealisasikan harapan tersebut, ianya memerlukan komitmen jitu dan kolektif daripada warga LPKtn

Kejayaan dalam pembaharuan tadbir urus khususnya berkaitan proses dan struktur

Usaha pembanterasan rasuah yang mampan dan berterusan

Kerjasama yang lebih erat sesama pegawai dan kakitangan LPKtn

Pemeriksaan organisasi serta bebas dalam usaha membanteras rasuah

Pemupukan nilai dan integriti melalui latihan dan kesedaran

Peranan teknologi dalam meningkatkan ketelusan dan mengekang rasuah

### KEBIMBANGAN BERSAMA

Kebimbangan bersama merangkumi ancaman dan risiko yang diterjemahkan melalui empat senario yang dibangunkan. Sekiranya amalan rasuah tidak ditangani, masa hadapan bakal suram

Rasuah berakar umbi, menjadi kebiasaan dan sebahagian daripada budaya

Usaha pembaharuan tidak mampan dan tidak dikawalselia


Usaha dan agenda antirasuah dipandang remeh oleh pihak berkepentingan

Tadbir urus baik dipersendakan

Pemantauan dan penguatkuasaan dilihat tidak berkesan kerana tadbir urus yang lemah

Pembuatan keputusan yang mengelirukan khususnya berkaitan isu dasar utama

Ancaman terhadap privasi dan hak asasi



## PELUANG YANG ADA

Beberapa peluang yang mampu memperkukuh inisiatif antirasuah telah dikenalpasti melalui senario yang dibangunkan.

Berikut adalah peluang yang telah dikenalpasti: (tanpa mengikut keutamaan)

**Penilaian risiko dan profil pada projek kerajaan.** Ini meliputi pelbagai mekanisme yang boleh digunakan oleh organisasi untuk menjangka kebarangkalian rasuah berlaku baik secara dalaman mahupun luaran serta kesannya.

**Membangunkan indeks penilaian integriti** untuk perkhidmatan awam dan perniagaan dalam mentafsir keupayaan organisasi mengawal rasuah serta memastikan semua sumber awam dibelanjakan secara bertanggungjawab dan telus.

**Penggunaan Sistem Pengurusan Antirasuah dan/ atau Sistem Pengurusan Risiko Rasuah.** Pelaksanaan secara efektif sistem antisogokan dan piawaian berkaitan akan membantu mengurangkan berlakunya risiko sogokan. Justeru, hal ini akan meyakinkan pemegang taruh bahawa amalan baik berkaitan kawalan antisogokan yang mendapat pengiktirafan antarabangsa telah dilaksanakan.

**Reformasi tadbir urus.** Dasar dan amalan baik dalam institusi utama sektor awam menjadi petunjuk kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Maka pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mapan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan awam terhadap institusi Kerajaan.

**Penggunaan sistem berasaskan teknologi untuk tujuan analisis perolehan.** Penggunaan teknologi terkini dalam amalan perolehan akan dapat mengoptimumkan proses serta capaian strategik. Teknologi secara berterusan akan memacu penambahbaikan proses, maklumat dan pemahaman yang akhirnya membawa kepada penjimatan.

**Memaksimakan penglibatan warga** untuk memastikan inklusiviti melalui penubuhan kumpulan pemerhati antirasuah (melalui perundangan dan imuniti) yang melibatkan; i) ahli akademik ii) agamawan iii) masyarakat sivil iv) komuniti perniagaan

**Sistem Pendidikan menyeluruh** yang memupuk tadbir urus insan yang dibangunkan melalui kurikulum pendidikan kebangsaan berpaksikan Tadbir Urus Insan dan Program Kepimpinan Berterusan.



## RISIKO YANG TERUNGKAI

Senario yang dibangunkan turut mengenalpasti risiko berikut:

**Data dan maklumat sebagai komoditi** yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.

**Kemerosotan peranan media digital, perubahan perisian dan perkakasan lapuk.** Pentadbiran kerajaan perlu lebih teliti dalam mengendalikan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan insiden kehilangan data yang akhirnya akan menyebabkan kerentanan pada sistem.

**Media yang prejudis** menyebarkan maklumat palsu dan mempengaruhi pendapat awam. Perkara ini terjadi apabila kewartawanan yang bersifat penyiasatan sudah tidak lagi wujud dalam media arus perdana. Wartawan mula cenderung kepada bidang perhubungan awam dan menulis untuk memenuhi kehendak pihak berkepentingan.

**Amalan rasuah diawal usia.** Amalan rasuah yang terjadi di kalangan generasi muda di peringkat sekolah. Pengesanan awal mampu mengawal fenomena ini.

**Peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mula dipersoal.** NGO memainkan peranan untuk memastikan kebertanggungjawaban dalam sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, peranannya mula dipersoal akibat kelemahan dan kurangnya tadbir urus yang baik. NGO perlu bersedia untuk membangunkan piawaian yang diyakini dan diterima.

**Kewujudan 'Little Napoleons'.** Istilah Little Napoleons tercipta lebih sedekad lalu untuk menggambarkan penjawat awam yang kurang membantu, sombong dan angkuh. Istilah ini boleh dianggap sebagai sindiran atau hinaan kerana Napoleon tidak memiliki ciri-ciri tersebut. Golongan ini boleh terus wujud walaupun dalam sebuah kerajaan yang telah melalui reformasi, melainkan tindakan tegas diambil untuk mengawalinya.





## PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN



Dengan membangunkan senario antirasuah pada masa hadapan, kewujudan **“Talam Dua Muka”** dapat dikesan. Justeru pembuat dasar dapat memberi lebih perhatian untuk menghadapinya.

**Komplot** oleh pihak luar terhadap warga LPKtn berkaitan sebarang projek, program dan tuntutan pembayaran akan mengakibatkan sesuatu kelulusan tidak wajar berlaku.



LPKtnACP dilihat hanya sebagai **“Hangat-hangat Tahi Ayam”**. Kiasan ini digunakan untuk menggambarkan tentang dasar yang tampak hebat tetapi tidak memberi impak. Pemegang taruh merasakan dasar yang diperkenalkan tidak mampu untuk bertahan dalam jangka masa panjang. Senario ini boleh berlaku ketika pertukaran kepimpinan atau pihak yang memperjuangkan agenda antirasuah LPKtn.



**“Tangan dari langit”** Tadbir urus yang baik bergantung kepada system semak dan imbang. Namun tadbir urus yang baik ini sukar untuk direalisasikan akibat daripada pengaruh **“tangan dari langit”** dalam membuat keputusan. Lebih buruk lagi, dengan ketiadaan mekanisme mengawal pengaruh tangan dari langit, gejala ini akan berterusan.

**KATAKAN **TIDAK** PADA RASUAH**



**KAMI MENGAMALKAN  
“POLISI TIADA HADIAH”**

# BAB 3

## MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH



## KEPERLUAN KEPADA KERANGKA LPKtn MELANGKAH KEHADAPAN

Tidak dinafikan, LPKtn perlu menangani gejala rasuah dengan segera dan mewujudkan sistem pentadbiran yang berintegriti tinggi demi kestabilan organisasi dan kesejahteraan pengguna. Hal ini juga diperakui bahawa rasuah telah membawa banyak kepincangan. Amalan rasuah perlu dihapuskan sepenuhnya daripada sistem pentadbiran bagi mengembalikan kestabilan dan kepercayaan terhadap Lembaga Pelabuan Kuantan.

Ke arah itu, LPKtn telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi iaitu melahirkan warga LPKtn yang bebas salah laku dan pelanggaran tatakelakuan ke arah agensi yang bebas rasuah selaras dengan aspirasi nasional untuk dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Bagi mencapai matlamat ini, LPKtn akan mewujudkan dan menzahirkan usaha pencegahan rasuah yang lestari untuk tempoh lima tahun akan datang.

Kerajaan telah menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan NKRA-“Membanteras Rasuah”, dengan NACP yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan. NACP diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan kestabilan ekonomi negara.

Di peringkat LPKtn, LPKtnACP akan memacu ke arah peningkatan ketelusan, dengan menerapkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur di agensi ini. LPKtnACP ini juga bertujuan menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus. Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif ini diyakini mampu meningkatkan tahap ketelusan dan integriti LPKtn sekaligus meningkatkan persepsi pihak berkepentingan.

Beberapa bidang risiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenalpasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data dan hasil kajian daripada pelbagai sumber serta Mesyuarat Pembangunan *Organizational Anti Corruption Plan (OACP)* Peringkat Suruhanjaya & Lembaga Pelabuan. Hasilnya, LPKtnACP menggariskan sebuah kerangka yang menyeluruh dalam memerangi rasuah. Antara inisiatif yang dirangka termasuklah memastikan setiap pemegang taruh menangani permasalahan rasuah di Kementerian dan Agensi masing-masing melalui Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).



## GARIS PANDUAN ASAS

Untuk memastikan pelaksanaan pelan strategik ini berjalan lancar dan berkesan, pendekatan 5As yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka pelan yang terdiri daripada langkah-langkah jangkaan (*anticipation*), advokasi (*advocacy*), persepakatan (*alliance*), tindakan (*action*) dan akreditasi (*accreditation*).

### 5A

#### Jangkaan (*Anticipation*)

Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah melalui Penilaian Risiko Rasuah (CRA), yang melibatkan proses pengumpulan dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini adalah penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi masing-masing.

#### Advokasi (*Advocacy*)

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor, dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

#### Persepakatan (*Alliance*)

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman dan luaran, termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

#### Tindakan (*Action*)

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dan dasar, sama ada melalui penguatkuasaan, pendekatan pencegahan dan pendidikan. Organisasi hendaklah bertindak tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah di semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan dan undang-undang sedia ada.


#### Akreditasi (*Accreditation*)

Memfokuskan kepada proses pemantauan dan penilaian (M&E) untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu/organisasi. Tujuan akreditasi bukan sekadar untuk memberi ganjaran, tetapi juga untuk memperbaiki dasar atau aktiviti semasa, serta menggalakkan orang lain berbuat perkara yang sama.


# KERANGKA PELAN ANTIRASUAH LPKtn 2020-2024

|                         |                                                                                                                                                  |                                                          |                                                |                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                          |               |                  |
|-------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|------------------------------------------------|----------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|---------------|------------------|
| <b>VISI</b>             | Melahirkan Warga LPKtn Yang Bebas Rasuah Dan Salahlaku                                                                                           |                                                          |                                                |                                                    | Memastikan warga LPKtn mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan tahap integriti yang tinggi dalam membendung salah laku dan jenayah rasuah serta pelanggaran tatakelakuan seiring dengan etika organisasi                                                       |                          |               |                  |
| <b>MISI</b>             | Memperkukuhkan gornernans, integriti dan antirasuah warga LPKtn melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa |                                                          |                                                |                                                    | Matlamat pelaksanaan tadbir urus baik dan warga berintegriti adalah untuk memastikan LPKtn dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, berkesan, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak pelanggan berlandaskan prinsip ketelusan, integriti dan kebertanggungjawaban |                          |               |                  |
| <b>MATLAMAT</b>         | Meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan LPKtn                                                           |                                                          |                                                |                                                    | Mendapatkan kerjasama daripada warga LPKtn dalam membangunkan persekitaran kerja yang kondusif dan bebas daripada salahlaku bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, amanah dan berintegriti                                                                                                              |                          |               |                  |
| <b>BIDANG KEUTAMAAN</b> | Sektor Pentadbiran Awam                                                                                                                          | Perolehan Awam                                           | Penguatkuasaan Undang-Undang                   | Tadbir Urus Koporat                                | <b>PELAN ANTIRASUAH LPKtn 2020-2024</b>                                                                                                                                                                                                                                                                               |                          |               |                  |
| <b>STRATEGI</b>         | Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam                                                                                           | Mempertingkatkan Keberkesanan & Ketelusan Perolehan Awam | Kredibiliti Dalam Penguatkuasaan Undang-undang | Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Organisasi Korporat | <b>STRATEGI</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | <b>OBJEKTIF STRATEGI</b> | <b>RISIKO</b> | <b>INISIATIF</b> |
|                         |                                                                                                                                                  |                                                          |                                                |                                                    | <b>4</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | <b>10</b>                | <b>37</b>     | <b>132</b>       |

## ANALISIS KE ATAS MAKLUMAT RASUAH



## ANALISIS KES RASUAH NEGERI PAHANG<sup>6</sup>




Kes rasuah yang berlaku adalah menerima suapan bagi kelulusan perolehan yang tidak mengikut syarat



## PENEMUAN AUDIT NEGARA AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN DI JABATAN KERAJAAN DI NEGERI PAHANG<sup>4</sup>


### LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (AG's DASHBOARD)




Antara isu yang masih belum selesai adalah:

- Melanggar SOP, perjanjian kontrak dan syarat
- Tadbir Korporat (peranan Jemaah Lembaga dan Jawatankuasa Audit)
- Pengurusan Kewangan

## LESEN/PERMIT/KEBENARAN YANG DILULUSKAN OLEH LPKtn TAHUN 2017-2019




Sumber: Bahagian Operasi dan Kawalselia



## ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 25 inisiatif yang dikenalpasti daripada 130 inisiatif berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 25 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Ringkasan 25 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:



|                   |                                                            |
|-------------------|------------------------------------------------------------|
| <b>STRATEGI 1</b> | Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan          |
| <b>STRATEGI 2</b> | Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Kredibiliti             |
| <b>STRATEGI 3</b> | Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Korporat             |
| <b>STRATEGI 4</b> | Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Awam |

## PENEKANAN 25 INISIATIF

### KEUTAMAAN STRATEGI :

Ringkasan berikut menunjukkan 25 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 130 keseluruhan yang telah dikenalpasti. Ia berdasarkan empat (4) strategi utama berkaitan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban, pentadbiran awam, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, dan tadbir urus entiti korporat di LPKtn. 25 inisiatif ini dikenalpasti berdasarkan jangkaan impak yang tinggi untuk menangani rasuah.

| NO. | RUJUKAN INISIATIF | INISIATIF                                                                                                                                                                                            | KUADRAN | STRATEGI   |
|-----|-------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------|
| 1.  | 1.1.1.2           | Memperkenalkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ( <i>Whistle Blower Policy</i> )                                                                                                                 | A       | Strategi 1 |
| 2.  | 1.1.1.5           | Mewujudkan Polisi Mekanisme dan pelaksanaan Akujanji Kerahsiaan berkenaan pengendalian maklumat terperingkat untuk pegawai berstatus kontrak                                                         | A       | Strategi 1 |
| 3.  | 1.1.5.3           | Mengkaji dan menambahbaik kaedah untuk meningkatkan kesedaran pegawai terhadap Arahan Kementerian/Arahan Pentadbiran/ Surat Pekeliling Bahagian/ SOP /Garis Panduan/ Arahan Dalaman yang dikeluarkan | A       | Strategi 1 |
| 4.  | 1.2.1.1           | Menambahbaik Prosedur Pengoperasian Standard (SOP) bagi pelantikan pegawai dan kenaikan pangkat kakitangan LPKtn                                                                                     | A       | Strategi 1 |
| 5.  | 1.2.1.5           | Mewajibkan mekanisme dalam menguatkuasakan sistem penggiliran tugas ( <i>Job Rotation</i> ) bagi jawatan guna sama                                                                                   | B       | Strategi 1 |
| 6.  | 1.2.2.1           | Mengkaji dan menambahbaik garis panduan kenaikan pangkat pegawai dengan menetapkan wajaran yang munasabah                                                                                            | A       | Strategi 1 |
| 7.  | 1.2.5.1           | Melakukan semakan dan kajian semula serta menambahbaik Sistem Pengurusan Pelan Penggantian bagi menyediakan pelapis kepada pegawai jawatan strategik                                                 | A       | Strategi 1 |
| 8.  | 1.2.5.2           | Mewajidkan pelaksanaan Analisa Keperluan Latihan (TNA) terutamanya kepada jawatan yang berisiko                                                                                                      | A       | Strategi 1 |
| 9.  | 1.3.2.4           | Melaksanakan Standard Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) untuk mengukur dan menganalisis nilai baik dalam organisasi                                                                                     | A       | Strategi 1 |
| 10. | 2.1.1.1           | Menambahbaik Prosedur Pengoperasian Standard (SOP) bagi penyediaan dan semakan dokumen perjanjian                                                                                                    | A       | Strategi 2 |



| NO. | RUJUKAN INISIATIF | INISIATIF                                                                                                                                               | KUADRAN | STRATEGI   |
|-----|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------|
| 11. | 2.1.2.2           | Memperkasakan Mekanisme Pemantauan dalam pelaksanaan kebertanggungjawaban dalam aspek pengurusan kawalselia oleh penyelia dan Ketua Jabatan             | A       | Strategi 2 |
| 12. | 2.1.6.1           | Menambahbaik Prosedur Pengoperasian Standard (SOP) bagi kaedah pemantauan/penguatkuasaan terhadap kawalan pembangunan ditanah pajakan                   | A       | Strategi 2 |
| 13. | 2.2.1.1           | Menaiktaraf sistem permohonan secara <i>online</i> ( <i>e-malim</i> , <i>e-DG</i> , <i>e-PENS</i> ) yang tidak boleh dimanipulasi                       | B       | Strategi 2 |
| 14. | 2.2.2.1           | Mewujudkan sistem penilaian prestasi malim secara <i>online</i> yang tidak boleh dimanipulasi.                                                          | B       | Strategi 2 |
| 15. | 2.2.2.2           | Membudayakan ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat                                                                                  | A       | Strategi 2 |
| 16. | 2.2.3.1           | Memantapkan proses pemantauan pengoperasian melalui penggunaan Sistem e-DG, Sistem e-PENS, Sistem e-ZB dan Sistem e-hartanah                            | A       | Strategi 2 |
| 17. | 2.3.1.1           | Mewujudkan kaedah yang bersesuaian bagi membolehkan Pihak Berkuasa Pelabuhan mengenakan kompaun bagi jenis kesalahan yang berkenaan                     | B       | Strategi 2 |
| 18. | 3.1.1.3           | Mewujudkan TOR yang efektif bagi lantikan ALP                                                                                                           | A       | Strategi 3 |
| 19. | 3.1.1.4           | Membangunkan dan mendapatkan pensijilan MS ISO 37001: 2016 <i>Anti-Bribery Management System (ABMS)</i>                                                 | B       | Strategi 3 |
| 20. | 3.2.1.1           | Memperkasakan dasar "Polisi Tiada Hadiah"                                                                                                               | A       | Strategi 3 |
| 21. | 3.2.2.2           | Memastikan semua Ahli Lembaga Pengarah mengisytiharkan kepentingan sekiranya beliau mempunyai kaitan dengan isu yang dibincangkan                       | A       | Strategi 3 |
| 22. | 4.1.1.2           | Menambah baik Prosedur Pengoperasian Standard (SOP) Tatacara Perolehan agar lebih jelas, telus dan mempertingkatkan akauntabiliti kepada setiap pegawai | A       | Strategi 4 |
| 23. | 4.1.2.3           | Melaksanakan Audit Perolehan pada setiap tahun                                                                                                          | A       | Strategi 4 |
| 24. | 4.1.4.4           | Memperkenalkan TOR dan Mewajidkan setiap pemida yang berjaya menandatangani Ikrar Integriti Korporat ( <i>CIP</i> )                                     | A       | Strategi 4 |
| 25. | 4.2.3.2           | Melaksanakan program Advokasi dan Kempen Anti Campur Tangan dalam pengurusan perolehan                                                                  | B       | Strategi 4 |

# PUTUSKAN RANTAIAN RASUAH

KATAKAN **TIDAK** PADA RASUAH



# **BIDANG KEUTAMAAN 1 HINGGA 4**

**PELAN ANTIRASUAH LPKtn  
2020-2024**



## BIDANG KEUTAMAAN 1: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

STRATEGI 1      MEMPERKUKUHKAN  
KECEKAPAN  
PENYAMPAIAN  
PERKHIDMATAN AWAM

OBJEKTIF  
STRATEGIK 1.1      Merekayasa Perkhidmatan  
Awam Ke Arah Tadbir Urus  
Baik

OBJEKTIF  
STRATEGIK 1.2      Menggalakkan Merit Dan  
Integriti Dalam Proses  
Pengambilan, Pemilihan Dan  
Pelantikan Ke Mana-Mana  
Jawatan

OBJEKTIF  
STRATEGIK 1.3      Menambahbaik Keberkesanan  
Pendidikan Dan Pembangunan  
Profesional Berterusan Dalam  
Kalangan Pegawai Awam  
Melalui Program Berdasarkan  
Kepada Tadbir Urus

| OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |           |                                                                                                                                               |                                       |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | INISIATIF |                                                                                                                                               | TEMPOH MASA                           |
| <b>1. KEBOCORAN MAKLUMAT SENSITIF DAN RAHSIA SECARA TERPERINGKAT YANG DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT.</b><br><br>PUNCA : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai tiada integriti</li> <li>• Tiada tindakan punitif yang tegas</li> <li>• Rasuah</li> <li>• Tiada pemantauan daripada pihak atasan</li> <li>• Sabotaj terhadap organisasi</li> <li>• Kepentingan peribadi</li> </ul> | 1.1.1.1   | Mewajibkan penguatkuasaan SOP/Tatacara penggunaan <i>Smartphone</i> semasa mesyuarat penting.                                                 | • Unit Pentadbiran<br>Q1 2021         |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 1.1.1.2   | Memperkenalkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ( <i>Whistle Blower Policy</i> ).                                                         | • Unit Integriti<br>Q4 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 1.1.1.3   | Mewajibkan pengisytiharan kepentingan peribadi pegawai yang terlibat dalam mesyuarat melalui borang <i>Integrity Pact</i> .                   | • Unit Integriti<br>Q1 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 1.1.1.4   | Melaksanakan kursus dan latihan yang bersesuaian kepada pegawai yang terlibat.                                                                | • Unit Pentadbiran<br>Q4 2020         |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 1.1.1.5   | Mewujudkan Polisi Mekanisme dan pelaksanaan Akujanji Kerahsiaan berkenaan pengendalian maklumat terperingkat untuk pegawai berstatus kontrak. | • Unit Pentadbiran<br>Q2 2020         |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 1.1.1.6   | Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang tegas kepada pelaku.                                                                          | • Unit Integriti<br>Setiap suku tahun |
| <b>2. TAHAP KEBERHUTANGAN YANG SERIUS DAN TINGGI DI KALANGAN PEGAWAI</b><br><br>PUNCA : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pinjaman pegawai melebihi 60% daripada gaji</li> <li>• Gaya hidup mewah</li> <li>• Pengurusan kewangan peribadi yang lemah</li> <li>• Penyalahgunaan dadah dan perjudian.</li> </ul>                                                                      | 1.1.2.1   | Melaksanakan kursus berhubung pengurusan kewangan bijak, pengisian rohani melalui ceramah-ceramah motivasi dan agama.                         | • Unit Pentadbiran<br>Q3 2020         |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 1.1.2.2   | Memperkenalkan satu mekanisme Sistem Pengesanan di peringkat awal kepada pegawai yang jumlah gaji bersih kurang daripada 40%.                 | • Unit Kewangan<br>Q2 2020            |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 1.1.2.3   | Melaksanakan dan memperkenalkan ujian psikometrik kepada semua kakitangan.                                                                    | • Unit Pentadbiran<br>Q2 2020         |
| <b>3. MELAKUKAN PENGUBAHSUAIAN DAN MEMANIPULASIKAN LAPORAN AUDIT DALAM</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | 1.1.3.1   | Memperkasakan terma rujukan, skop dan metodologi Jawatankuasa Audit Dalam sedia ada.                                                          | • Unit Audit Dalam<br>Q3 2020         |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 1.1.3.2   | Mengenakan tindakan punitif kepada pesalah/ pelaku.                                                                                           | • Unit Integriti<br>Q2 2020           |
| <b>4. KELEWATAN DAN KECUAIAN DALAM MENGAMBIL TINDAKAN YANG DICADANGKAN OLEH JURUAUDIT.</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | 1.1.4.1   | Melaksanakan semakan pengauditan bersama agensi luar (Jabatan Audit Negara).                                                                  | • Unit Audit Dalam<br>Q3 2020         |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 1.1.4.2   | Melaksanakan Audit Susulan bagi memastikan cadangan tindakan susulan diambil tindakan.                                                        | • Unit Audit Dalam<br>Q2 2020         |



| OBJEKTIF STRATEGIK 1.1                                                              |         |                                                                                                                                                                                                       |  |  | MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK |  |             |  |  |
|-------------------------------------------------------------------------------------|---------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|--|-------------------------------------------------------|--|-------------|--|--|
| RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH                        |         | INISIATIF                                                                                                                                                                                             |  |  | PENERAJU / PELAKSANA                                  |  | TEMPOH MASA |  |  |
| 5. KELEWATAN DAN KECUAIAN DALAM MENGAMBIL TINDAKAN YANG DICADANGKAN OLEH JURUAUDIT. | 1.1.5.1 | Menyemak semula dan mengemaskini <i>MyPortfolio</i> LPKtn dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi memastikan tatacara sentiasa terkini dan menepati peraturan semasa.                                |  |  | • Unit Pentadbiran                                    |  | Q2 2020     |  |  |
|                                                                                     | 1.1.5.2 | Mempertingkatkan kefahaman dan pengetahuan dengan mengadakan penerangan berkenaan dengan <i>MyPortfolio</i> dan SOP LPKtn                                                                             |  |  | • Unit Pentadbiran                                    |  | Q2 2020     |  |  |
|                                                                                     | 1.1.5.3 | Mengkaji dan menambahbaik kaedah untuk meningkatkan kesedaran pegawai terhadap Arahan Kementerian/Arahan Pentadbiran/ Surat Pekeliling Bahagian/ SOP /Garis Panduan/ Arahan Dalaman yang dikeluarkan. |  |  | • Unit Pentadbiran                                    |  | Q2 2020     |  |  |
|                                                                                     | 1.1.5.4 | Mengekalkan pensijilan sistem Pengurusan kualiti <i>Malaysian Standard International Organization for Standardization</i> (MS ISO) dalam bidang teras perkhidmatan.                                   |  |  | • Unit Pentadbiran                                    |  | Q2 2020     |  |  |

| OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 MENGGALAKKAN MERIT DAN INTEGRITI DALAM PROSES PENGAMBILAN, PEMILIHAN DAN PELANTIKAN KE MANA-MANA JAWATAN |           |                                                                                                                                                  |                      |             |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|-------------|
| RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH                                                                    | INISIATIF |                                                                                                                                                  | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA |
| <b>1. KELEMAHAN DAN KURANG KETELUSAN DALAM PROSES PENGAMBILAN ANGGOTA PEKERJA.</b>                                              | 1.2.1.1   | Menyemak semula dan menambahbaik Prosedur Pengoperasian Standard (SOP) pelantikan anggota pekerja bagi semua jawatan di LPKtn                    | • Unit Pentadbiran   | Q4 2020     |
|                                                                                                                                 | 1.2.1.2   | Memperkasakan kerangka pengambilan pegawai berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan    | • Unit Pentadbiran   | Q4 2020     |
|                                                                                                                                 | 1.2.1.3   | Menyemak dan menambahbaik terma rujukan perkhidmatan pegawai                                                                                     | • Unit Pentadbiran   | Q2 2020     |
|                                                                                                                                 | 1.2.1.4   | Mewajibkan Ahli Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan serta Ahli Panel Temuduga menandatangani Surat Akuan Akujanji ' <i>Integrity Pact</i> ' | • Unit Pentadbiran   | Q2 2020     |
|                                                                                                                                 | 1.2.1.5   | Mewajibkan mekanisme dalam menguatkuasakan sistem penggiliran tugas ( <i>Job Rotation</i> ) bagi jawatan guna sama                               | • Unit Pentadbiran   | Q4 2021     |

| OBJEKTIF STRATEGIK 1.2                                                                                                |         | MENGALAKKAN MERIT DAN INTEGRITI DALAM PROSES PENGAMBILAN, PEMILIHAN DAN PELANTIKAN KE MANA-MANA JAWATAN                                                                                                                                                                   |                      |                   |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|-------------------|
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.1.2 | Menambah baik Prosedur Pengoperasian Standard (SOP) Tatacara Perolehan agar lebih jelas, telus dan mempertingkatkan akauntabiliti kepada setiap pegawai. | • Unit Pentadbiran        | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.1.3 | Memantapkan Integriti Pegawai melalui latihan dan kursus pengurusan tatacara kewangan yang lebih efektif                                                 | • Unit Pentadbiran        | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.1.4 | Mewajibkan pengisytiharan kepentingan melalui borang <i>Integrity Pact</i>                                                                               | • Unit Perolehan          | Q1 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.1.5 | Mengenakan tindakan punitif yang tegas dan serius kepada pegawai yang terlibat                                                                           | • Unit Integriti          | Setiap suku tahun |
| <b>2. BERLAKU PAKATAN ANTARA PEGAWAI DAN PEMBEKAL DALAM PROSES PEROLEHAN MENYEBABKAN BERLAKUNYA PELANGGARAN TATACARA PEROLEHAN</b>                                                                                                                                       | 4.1.2.1 | Mewajibkan penguatkuasaan pelaksanaan garis panduan perolehan secara menyeluruh.                                                                         | • Unit Perolehan          | Q1 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.2.2 | Memantapkan Integriti Pegawai melalui latihan dan kursus tadbir urus, integriti dan antirasuah.                                                          | • Unit Pentadbiran        | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.2.3 | Melaksanakan Auditan Perolehan pada setiap tahun                                                                                                         | • Unit Audit Dalam        | Q4 2021           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.2.4 | Memperkenalkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ( <i>Whistle Blower Policy</i> )                                                                     | • Unit Integriti          | Q3 2020           |
| <b>3. BERLAKU KETIDAKPATUHAN DALAM PEMATUHAN KLAUSA DALAM PERJANJIAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KONTRAK MENYEBABKAN KERUGIAN PADA AGENSI.</b>                                                                                                                              | 4.1.3.1 | Mewajibkan penguatkuasaan dan pemakaian klausa standard untuk melindungi kepentingan dalam perolehan kerajaan dipatuhi.                                  | • PUU<br>• Unit Perolehan | Q1 2020           |
| <b>4. KEGAGALAN DALAM MENYEDIAKAN SPESIFIKASI, PENILAIAN DOKUMEN PEMBIDA DAN ANGGARAN JABATAN</b><br><br>PUNCA :<br>• Pegawai tidak kompeten/ tidak teliti.<br>• Pakatan dengan kontraktor/ pihak ketiga.<br>• Pegawai tidak peka dengan perkembangan teknologi terkini. | 4.1.4.1 | Memastikan aktiviti audit dilaksanakan mengikut standard dan prosedur sedia ada.                                                                         | • Unit Audit              | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.4.2 | Mewajibkan kakitangan membuat pengisytiharan kepentingan melalui <i>Integrity Pact</i>                                                                   | • Unit Integriti          | Q2 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.4.3 | Melaksanakan latihan dan kursus prosedur/ tatacara perolehan kepada pegawai terlibat bagi mewujudkan kepakaran dan kompetensi.                           | • Unit Pentadbiran        | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.4.4 | Memperkenalkan TOR dan mewajibkan setiap pembida yang berjaya menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP)                                              | • Unit Integriti          | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                                                          | 4.1.4.5 | Mengenakan tindakan punitif kepada pesalah/ pelaku                                                                                                       | • Unit Integriti          | Setiap suku tahun |

| OBJEKTIF STRATEGIK 4.1                                                                                                                                                                                                           |           | MEMPERKUKUHKAN KERANGKA PEROLEHAN AWAM                                                                                  |                        |                   |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|-------------------|
| RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN:<br>GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH                                                                                                                                                                  | INISIATIF |                                                                                                                         | PENERAJU/<br>PELAKSANA | TEMPOH<br>MASA    |
| <b>5. KEGAGALAN MELAKSANAKAN PEMANTAUAN PERLAKSANAAN DAN PEMBAYARAN PROJEK MENYEBABKAN KUALITI PROJEK TIDAK BAIK DAN MEMBERI IMPLIKASI KEWANGAN KEPADA JABATAN</b>                                                               | 4.1.5.1   | Mewajibkan pelaksanaan penguatkuasaan garis panduan perolehan sedia ada.                                                | • Urusetia Perolehan   | Q2 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                  | 4.1.5.2   | Memantapkan Integriti Pegawai melalui latihan dan kursus tadbir urus, integriti dan antirasuah                          | • Unit Pentadbiran     | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                  | 4.1.5.3   | Melaksanakan program kesedaran Pemantauan Prosedur/ Tatacara Kewangan bagi mewujudkan kepakaran dan kompetensi pegawai. | • Unit Pentadbiran     | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                  | 4.1.5.4   | Melaksanakan kajian semula guna tenaga manusia / keperluan tadbir urus insan lebih efektif.                             | • Unit Pentadbiran     | Q3 2020           |
| <b>6. KEGAGALAN DAN KECUAIAN DALAM PROSES PEMANTAUAN TERHADAP PENERIMAAN BEKALAN KERJA/PERKHIDMATAN MENYEBABKAN BARANG, PERKHIDMATAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI YANG TELAH DITETAPKAN SEPERTI MANA DALAM KONTRAK PERJANJIAN.</b> | 4.1.6.1   | Meningkatkan kepakaran pegawai melalui kursus dan latihan pengurusan tatacara kewangan lebih komprehensif.              | • Unit Pentadbiran     | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                  | 4.1.6.2   | Memperketatkan Pematuhan terhadap prosedur perolehan kepada semua kakitangan terlibat.                                  | • Unit Integriti       | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                  | 4.1.6.3   | Memantapkan Integriti Pegawai melalui latihan dan kursus berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah.               | • Urusetia Perolehan   | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                                                  | 4.1.6.4   | Mengenakan tindakan punitif kepada pesalah/pelaku                                                                       | • Urusetia Perolehan   | Setiap suku tahun |

| OBJEKTIF STRATEGIK 4.2                                                                                                                            |           | MENINGKATKAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM, PENGURANGAN RISIKO RASUAH, PENYELEWENGAN PASARAN DAN ANTIPERSAINGAN |                        |                   |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|-------------------|
| RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN:<br>GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH                                                                                   | INISIATIF |                                                                                                            | PENERAJU/<br>PELAKSANA | TEMPOH<br>MASA    |
| <b>1. MANIPULASI/PEMALSUAN MAKLUMAT DAN DOKUMEN PEMBEKAL DALAM PROSES PEROLEHAN MENYEBABKAN KETIDAKTELUSAN DAN PELANGGARAN PROSEDUR PEROLEHAN</b> | 4.2.1.1   | Memantapkan Integriti Pegawai melalui latihan dan kursus Perolehan Awam                                    | • Unit Pentadbiran     | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                   | 4.2.1.2   | Mewajibkan pegawai pengisytiharan kepentingan melalui borang <i>Integrity Pact</i>                         | • Urusetia Perolehan   | Q1 2020           |
|                                                                                                                                                   | 4.2.1.3   | Mengenakan tindakan punitif                                                                                | • Unit Integriti       | Setiap suku tahun |

| OBJEKTIF STRATEGIK 4.2                                                                                                                                                                            |         | MENINGKATKAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM, PENGURANGAN RISIKO RASUAH, PENYELEWENGAN PASARAN DAN ANTIPERSAINGAN                              |                      |                   |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|-------------------|
| RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH                                                                                                                                      |         | INISIATIF                                                                                                                               | PENERAJU / PELAKSANA | TEMPOH MASA       |
| <b>2. BERLAKUNYA SALAHGUNA KUASA MENYEBABKAN PELANGGARAN TACACARA PEROLEHAN YANG TIDAK MENDAPAT NILAI YANG SEBENAR (VALUE FOR MONEY) SEPERTI KETIDAKTELUSAN DALAM PEMILIHAN VENDOR / PEMBEKAL</b> | 4.2.2.1 | Menguatkuasakan garis panduan perolehan sedia ada                                                                                       | • Urusetia Perolehan | Q1 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.2.2 | Memantapkan Integriti Pegawai melalui latihan dan kursus tadbir urus, integriti & antirasuah.                                           | • Unit Pentadbiran   | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.2.3 | Mewajibkan pegawai membuat pengisytiharan kepentingan melalui borang Integrity Pact                                                     | • Urusetia Perolehan | Q1 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.2.4 | Mengenakan tindakan punitif yang tegas dan serius kepada pegawai yang terlibat                                                          | • Unit Integriti     | Setiap suku tahun |
| <b>3. WUJUDNYA USAHA CAMPURTANGAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN DAN BERPENGARUH DALAM PEMBUATAN KEPUTUSAN BERKAITAN URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN.</b>                                                    | 4.2.3.1 | Mewujudkan Arahan dan Polisi Campur Tangan pihak pengurusan atasan dalam urusan keputusan perolehan bagi menghadkan kuasa campur tangan | • Unit Undang-Undang | Q3 2021           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.3.2 | Melaksanakan program Advokasi dan Kempen Anti Campur Tangan dalam pengurusan perolehan                                                  | • Unit Integriti     | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.3.3 | Mewajibkan pegawai membuat pengisytiharan kepentingan melalui borang <i>Integrity Pact</i>                                              | • Urusetia Perolehan | Q1 2020           |
| <b>4. WUJUDNYA USAHA MONOPOLI DALAM PEROLEHAN OLEH PIHAK TERTENTU MENYEBABKAN BERLAKUNYA MANIPULASI KE ATAS HARGA DAN KUALITI PEROLEHAN.</b>                                                      | 4.2.4.1 | Menguatkuasakan pelaksanaan tatacara perolehan dibuat secara tender terbuka.                                                            | • Urusetia Perolehan | Q2 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.4.2 | Mewujudkan pengkalan data prestasi bagi sejarah bidaan bagi semua pembida                                                               | • Urusetia Perolehan | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.4.3 | Memastikan semakan salin ( <i>Cross Check</i> ) dengan Kementerian / Jabatan / Agensi lain dilakukan bagi setiap perolehan.             | • Urusetia Perolehan | Q2 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.4.4 | Memantapkan Jawatankuasa Perolehan sediada terutamanya peranan dan tanggungjawab                                                        | • Urusetia Perolehan | Q2 2020           |
| <b>5. KEBOCORAN MAKLUMAT TENDER SEBUTHARGA DENGAN NIAT BERTUJUAN MELANTIK KONTRAKTOR YANG TIDAK KOMPETEN DAN ADANYA HABUAN YANG BAKAL DITERIMA</b>                                                | 4.2.5.1 | Memperkasakan kekerapan pusingan kerja dalam organisasi                                                                                 | • Unit Pentadbiran   | Setiap 3 Tahun    |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.5.2 | Menganjurkan kursus Kesedaran (Keselamatan Dan Kerahsiaan Kerajaan) kepada kakitangan terlibat.                                         | • Unit Integriti     | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.5.3 | Menambahbaik SOP / Garis Panduan Perolehan Awam yang sedia ada.                                                                         | • Unit Pentadbiran   | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.5.4 | Memperkasakan 'Polisi Tiada Hadiah'                                                                                                     | • Urusetia Perolehan | Q2 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.5.5 | Membangunkan dan mendapatkan persijilan pelaksanaan MS ISO 37001:2016 <i>Anti-Bribery Management System (ABMS)</i>                      | • Unit Integriti     | Q4 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.5.6 | Memperkenalkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ( <i>Whistle Blower Policy</i> )                                                    | • Unit Integriti     | Q3 2020           |
|                                                                                                                                                                                                   | 4.2.5.7 | Mengenakan tindakan punitif yang tegas dan serius kepada pesalah/ pelaku                                                                | • Urusetia Perolehan | Setiap suku tahun |

# BAB 4

## TADBIR URUS

## PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH

### PRINSIP I : KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pengurusan tertinggi adalah bertanggungjawab dalam memastikan organisasi mengamalkan integriti dan etika di tahap yang tertinggi dan mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang telah berkuatkuasa serta menguruskan risiko rasuah secara berkesan.

Pihak pengurusan tertinggi perlu mewujudkan teladan yang baik seperti menyatakan pendirian LPKtn berhubung larangan salah laku dalam sebarang aktiviti dan akan menerajui usaha jabatan untuk meningkatkan kecekapan rangka kerja pengurusan risiko rasuah, sistem kawalan dalaman, penilaian dan pemantauan serta latihan dan komunikasi.

Bagi tujuan tersebut, LPKtn akan melakukan perkara-perkara seperti berikut: -

|    |                                                                                                                                                                                                      |
|----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 01 | Mewujudkan, memastikan kesinambungan dan membuat penilaian secara berkala ke atas program pematuhan berhubung antirasuah termasuklah objektif dan dasar yang mencukupi bagi menangani risiko rasuah; |
| 02 | Mempromosi budaya integriti                                                                                                                                                                          |
| 03 | Mengeluarkan arahan supaya polisi dan komitmen jabatan berhubung antirasuah dan seterusnya diwar-warkan kepada pihak dalaman dan luaran;                                                             |
| 04 | Melantik seorang pegawai untuk bertanggungjawab melaksanakan tugas berkaitan pematuhan undang-undang atau peraturan berkaitan antirasuah; dan                                                        |
| 05 | Memastikan hasil bagi laporan audit, penilaian risiko, langkah kawalan dan prestasinya dilaporkan kepada pengurusan tertinggi                                                                        |



## PRINSIP II : PENILAIAN RISIKO RASUAH

Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada usaha antirasuah di jabatan. Sehubungan itu, LPKtn akan melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat perubahan dalam undang-undang atau keadaan melalui pengenalanpastian risiko, analisis, penilaian dan memberi keutamaan kepada risiko rasuah dalaman dan luaran di jabatan. Hasil penilaian risiko ini akan dijadikan asas untuk mewujudkan proses, sistem dan kawalan yang diluluskan oleh pengurusan tertinggi untuk mengurangkan risiko terdedah kepada unsur rasuah.

## PRINSIP III : PELAKSANAAN LANGKAH KAWALAN DALAMAN

LPKtn akan mewujudkan langkah kawalan yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan dalam rangka kerja tadbir urus, proses dan prosedur.

## PRINSIP IV: PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PENGUATKUASAAN SECARA SISTEMATIK

Pengurusan Tertinggi akan memastikan penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program antirasuah dan memastikan program tersebut dilaksanakan. Penilaian tersebut boleh dijalankan melalui audit dalaman atau audit oleh pihak luar. Hasil penilaian boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan antirasuah sedia ada di LPKtn.

## PRINSIP V: LATIHAN DAN KOMUNIKASI

LPKtn akan membangunkan dan menghebahkan maklumat berhubung sistem pengurusan antirasuah melalui latihan dan komunikasi dalaman dan luaran yang bersesuaian dengan operasi meliputi perkara-perkara berikut:-



## MEKANISME PELAKSANAAN

Untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan OACP berdasarkan “Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019 - Pemantapan Governan, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia”.

| STRUKTUR PENTADBIRAN KEMENTERIAN MENGANDUNGI TIGA PERINGKAT IAITU: |                                       |
|--------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| <b>A</b>                                                           | <b>PERINGKAT MENTERI</b>              |
| <b>B</b>                                                           | <b>PERINGKAT PENGURUSAN TERTINGGI</b> |
| <b>C</b>                                                           | <b>PERINGKAT OPERASI</b>              |

Ketiga-tiga peringkat ini, memberi tumpuan kepada tugas-tugas berikut:

- Penilaian risiko rasuah
- Pengabsahan dasar dan penyelesaian
- Pelaksanaan program dan aktiviti
- Pemantauan dan penilaian prestasi

Butiran struktur adalah seperti berikut:

### STRUKTUR TADBIR URUS LPKtnACP

|                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|--------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>Pusat Governan, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) sebagai sekretariat</p> | <p><b>Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR)</b><br/>Dipengerusikan oleh<br/><b>YAB Perdana Menteri</b></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima laporan pemantauan penilaian tahunan NACP daripada GIACC</li> <li>• Mengesyorkan dasar</li> <li>• Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan nasional</li> <li>• Mengenalpasti penyelesaian terbaik</li> </ul>                                                                                             |
| <p>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai sekretariat</p>             | <p><b>Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan</b><br/>Dipengerusikan oleh<br/><b>Ketua Setiausaha Negara</b></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengesyorkan dasar</li> <li>• Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi dan agensi</li> </ul>                                                                                                                                                                                                           |
| <p>Unit Integriti Kementerian sebagai Urusetia</p>                                   | <p><b>Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Kementerian</b><br/>Dipengerusikan oleh<br/><b>Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan</b></p> <p>----- Ahli -----</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pengangkutan</li> <li>• Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengangkutan</li> <li>• Ketua Agensi</li> <li>• Pengarah Bahagian</li> <li>• Pengarah Negeri</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memaklumkan keputusan atau dasar yang berkaitan dengan antirasuah dalam Mesyuarat Pasca Kabinet yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pengangkutan</li> <li>• Mengesyorkan dasar</li> <li>• Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi dan agensi</li> <li>• Mengenalpasti penyelesaian terbaik</li> </ul> |
| <p>Unit Integriti LPKtn sebagai Urusetia</p>                                         | <p><b>Jawatankuasa Antirasuah (JAR) LPKtn</b> dipengerusikan oleh<br/><b>Pengurus Besar</b></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memaklumkan keputusan atau dasar yang berkaitan dengan antirasuah dalam Mesyuarat JAR Kementerian yang dipengerusikan oleh KSU</li> <li>• Mengesyorkan dasar</li> <li>• Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan LPKtn</li> <li>• Mengenalpasti penyelesaian terbaik</li> </ul>                                   |

## KERANGKA PELAKSANAAN OACP

Pelaksanaan LPKtnACP merangkumi tiga peringkat yang terdiri daripada peringkat Nasional, Kementerian dan LPKtn. Peringkat-peringkat ini saling berkaitan dan memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan, pelaporan dan semakan pencapaian bagi inisiatif yang digariskan dalam pelan ini. Saling kaitan ini membantu dalam memastikan persefahaman bersama, pembentukan dasar yang mampan, komitmen terhadap perkongsian sumber dan pelaksanaan yang teratur.

Secara keseluruhannya, kerangka pelaksanaan LPKtnACP ini akan mempermudah pelaksanaan strategi dan inisiatif antirasuah di Kementerian. Ringkasan pelaksanaan kerangka LPKtnACP ini adalah seperti berikut:



PERINGKAT KEBANGSAAN

PERINGKAT KEMENTERIAN

PERINGKAT AGENSI/BAHAGIAN

## UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN DI BAWAH MOT

KERJASAMA ANTARA  
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

AGENSI/BAHAGIAN/PEJABAT  
MOT

PEJABAT LPKtn

INISIATIF NACP

INDUSTRI PEMEGANG TARUH

INDUSTRI PEMEGANG TARUH

NGO/PENGGUNA

NGO/PENGGUNA

## MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

### PENYELARASAN

#### PEMANTAUAN

- Menjelaskan objektif program
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif
- Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran
- Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan

#### PENILAIAN

- Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan aktiviti
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang dicapai
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana dirancang
- Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan



## MEKANISME PENILAIAN



# BAB 5

## KESIMPULAN

## KESIMPULAN

Melihat kepada ketegasan Kerajaan Malaysia dalam memerangi rasuah di dalam negara, LPKtn sebagai sebuah badan berkanun persekutuan akan sentiasa berusaha menyahut seruan dan mengambil berat komitmen yang telah dinyatakan oleh kerajaan dengan memberi sokongan penuh kepada semua usaha pengukuhan integriti, governan dan antirasuah. Lantaran itu, LPKtnACP (2020-2024) memperlihatkan komitmen LPKtn dalam menyokong dasar yang telah dikeluarkan oleh kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) sejajar dengan usaha kerajaan untuk merealisasikan manifesto ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti.

Pembangunan LPKtnACP ini adalah bagi memperlihatkan komitmen jabatan dalam menyokong dasar antirasuah Kerajaan. Intipati pelan ini mengandungi tindakan yang perlu diambil sebagai menyahut dasar Kerajaan untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah.

Ini dapat dilihat menerusi empat (4) strategi merangkumi 132 inisiatif yang telah dikenalpasti dan digubal untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan antirasuah di LPKtn.

Bagi memastikan keberkesanan LPKtnACP ini, pelaksanaan semua inisiatif yang telah dikenalpasti akan dipantau dan dikaji dari semasa ke semasa. LPKtn akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dengan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak supaya inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan dan rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah.

## PENGHARGAAN

Ucapan Terima Kasih Yang Tidak Terhingga Kepada

**YM Tan Sri Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar**

*Pengerusi*

**YH Dato' Khairul Anuar bin Abdul Rahman**

*Pengurus Besar*

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

**Penerbit Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023**

**Penerbit Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KPDNHEP 2019-2023**

**Insititut Integriti Malaysia (IIM)**

**Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)**

**Ketua-ketua Bahagian Dalam Meluangkan Masa Dan Input Yang Dikemukakan:**

Bahagian Korporat dan Pembangunan

Bahagian Operasi dan Kawalselia

Bahagian Kewangan dan Pentadbiran

Unit Audit Dalam

**Tenaga Pengajar Institut Integriti Malaysia (IIM)**

Tuan Hj Hamilye Sham bin Harun

Puan Roziah bt Harun

Encik Umar Choong B. Safie

## PASUKAN EDITOR

### *Penasihat*

**YH Dato' Khairul Anuar bin Abdul Rahman**

### *Timbalan Penasihat*

**Encik Mohd Idi Amin bin Salleh**

### *Ketua Editor*

**Encik Abd Patah bin Roslan**

### *Pasukan Editor*

**Puan Hasnita bt Mohd Hanapiah**

**Puan Nurhafiza bt Mohd Jaafar**

**Puan NorIliani bt Rahimi**

**Puan Sarifah Aishah bt Sd Hassan**

**Encik Mohd Faizal bin Muda**

Terima kasih juga kepada mereka yang telah mengambil masa untuk membantu dan memberikan maklum balas yang berharga kepada kami:

**YH Dato' Asmawi bin Nordin**

**Encik Mohd Firdaus bin Rohman**

**Encik Ruslan bin Man**

**Encik Mohd Syahmi bin Sulaiman**

**Puan Mimi Mazira bt Mohd Idris**

**Encik Suzaidi bin Supoh**

**Encik Ahmad Gafidi bin Hussain**

**Encik Muhammad Nur Syahiran bin Mohd Zubir**

**Puan Zaleha bt Abu Bakar**

**Encik Mohd Usman bin Abd Aziz**



## BIBLIOGRAFI :

1. Pelan Antirasuah Nasional (2019-2023): Penerbit JPM.
2. Pelan Antirasuah Organisasi (2019-2023): Penerbit KPDNHEP.
3. Statistik Aduan Rasuah (2013-2018). Sinar Online 24 Disember 2019.
4. Data Laporan Ketua Audit Negara, AG's Dashboard. [www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)
5. Kata-kata Hikmah. Allauthor.com
6. Data Pesalah Rasuah, 2016-2018. [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)
7. Al Quran
8. Pelan Antirasuah RISDA (2019-2023)

*“Integrity is telling  
myself the truth and  
honesty is telling the  
truth to other people”*

“Integriti memberitahu diri sendiri  
kebenaran dan kejujuran memberitahu  
kebenaran kepada orang lain”

-Spencer Johnson-<sup>5</sup>



diterbitkan oleh

## LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN



Tanjung Gelang, P.O. Box 161  
25720 Kuantan, Pahang Darul Makmur, Malaysia



09-585 8000



09-583 3866



lpktn@lpktn.gov.my



www.lpktn.gov.my